



Rujukan Kami : RK039
Bertarikh : 2 Oktober 2023

Dr. Nurul Aisyah Binti Mohd Suhaimi
Pensyarah
Fakulti Biosumber & Industri Makanan
UniSZA, Kampus Besut

YBrs. Dr.,

KELULUSAN MENJALANKAN PROJEK PENYELIDIKAN DANA SCHOLARSHIP OF TEACHING AND LEARNING (SoTL) UniSZA 2023

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Geran SoTL bertarikh 21 September 2023 (Khamis) telah meluluskan permohonan YBrs. Dr. separtimana butiran berikut:-

Kod Rujukan Projek	UniSZA/2023/SoTL/004
No. Projek	RK039
Tajuk Projek	<i>Active Learning Through Flipped Classroom In Agricultural Economics: Improving Students' Perception Of Learning And Performance</i>
Bidang Penyelidikan	Sains Sosial
Kategori Geran	Dalaman Universiti
Jumlah Peruntukan	RM 5,000.00
Tempoh Penyelidikan	1 Oktober 2023 – 30 September 2024 (12 bulan)
Ahli Penyelidik Bersama	Prof. Madya Dr. Nalini A/P Arumugam
Jangkaan Hasil Penyelidikan (Minimum)	<ul style="list-style-type: none"> i. Bukti hasil kajian tindakan perlu didokumenkan bersama laporan akhir ii. SATU (1) penerbitan dalam jurnal berindeks iii. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek (IP) sebelum tamat penyelidikan dan sebelum penerbitan jurnal



3. Kelulusan melaksanakan projek ini tertakluk kepada kaedah dan peraturan penyelidikan Universiti Sultan Zainal Abidin dan terma-terma seperti dalam perjanjian penyelidikan. Sila kemukakan borang perjanjian penyelidikan (**UniSZA-PT02-PK01-BR004-S01**) dan (**UniSZA-PT02-PK01-BR006-S01**) yang boleh dimuat turun melalui laman web CREIM <https://rmic.unisza.edu.my>. Borang tersebut hendaklah dihantar ke pejabat CREIM selewat-lewatnya pada atau sebelum **16 Oktober 2023 (Isnin)** untuk urusan setem hasil. Penyelidik yang menghantar lewat daripada tempoh tersebut bertanggungjawab untuk menguruskan sendiri setem hasil dan dimajukan ke pihak CREIM selewat-lewatnya pada **23 Oktober 2023 (Isnin)**.

4. YBrs. Dr. juga dikehendaki mengemukakan laporan prestasi pada bulan Mei dan November setiap tahun.

5. Bersama-sama ini dilampirkan perkara berikut untuk makluman dan tindakan YBrs. Dr. selanjutnya.

- i. Surat akuan penerimaan – **Lampiran 1**
- ii. Senarai semak menjalankan projek penyelidikan – **Lampiran 2**

6. Pihak UniSZA merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan mendoakan YBrs. Dr. dapat menjalankan penyelidikan dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Ilmu dan Akhlak'

Saya yang menjalankan amanah,

Mch

(PROF. TS. DR. MOKHAIRI BIN MAKHTAR)

Pengarah

- s.k.: - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan), FBIM
- Bendahari (Mohon buka no. projek RK039 dan salurkan duit dari akaun PSPI 3.0 ke no. projek tersebut)
- Prof. Madya Dr. Nalini A/P Arumugam, FBIM
- Fail Projek RK039